

**LANGKAH PENAMBAHBAIKKAN PERKHIDMATAN TRANSFUSI DARAH
DISEMUA HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DI NEGERI JOHOR**

1. Pegawai Perubatan yang bertugas di "*Blood Bank*" di setiap hospital perlulah diberi latihan sekurang-kurangnya 1 minggu "*attachement*" dengan Pakar Perubatan Transfusi Darah di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor ataupun dengan Pegawai Perubatan "*senior*" di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor.
 - Penyelaras Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Transfusi Darah Negeri Johor akan memberi Credentialing & Privileging (C&P) kepada Pegawai Perubatan yang berjaya menjalani tempoh 1 minggu "*attachement*" tersebut.
2. Semua Kempen Derma Darah yang dijalankan oleh semua hospital kerajaan, perlulah disertai oleh sekurang-kurangnya seorang Pegawai Perubatan yang telah diberi C&P oleh Penyelaras Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Transfusi Darah Negeri Johor.
3. Pegawai Perubatan Latihan Siswazah (HO) hanya dibenarkan menyertai Kempen Derma Darah sekiranya kempen tersebut disertai oleh Pegawai Perubatan yang telah diberi C&P oleh Penyelaras Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Transfusi Darah Negeri Johor.
4. "Pencarian Darah Tanpa Sempadan" dimana Kempen Derma Darah yang dijalankan oleh semua hospital kerajaan tidak terbatas didaerah masing-masing sahaja malah digalakkan Kempen Derma Darah ini dijalankan tanpa mengira sempadan daerah.
5. Pengiklanan Kempen Derma Darah boleh dilakukan melalui Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Kesihatan Negeri Johor agar maklumat dapat disebarkan kepada umum dengan lebih meluas melalui laman sesawang.

